



# **PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

**KERATAN AKHBAR  
24 JULAI 2019 (RABU)**



DISEDIAKAN OLEH :  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**

AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	Guna SOSMA siasat khianat Sungai Selangor
MUKA SURAT	5

# Guna SOSMA siasat khianat Sungai Selangor

Undang-undang paling tegas diguna kerana babit kepentingan awam: KPN

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman, Mahanum Abdul Aziz dan Norrasyidah Arshad bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Polis akan menggunakan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) untuk menyasat dan mengambil tindakan terhadap pihak disyaki terbabit kes mensabotaj serta mencemarkan Sungai Selangor.

Ketua Polis Negara, Datuk Seri Abdul Hamid Bador, berkata kes itu perlu disiasat dengan undang-undang paling tegas kerana ia membabitkan kepentingan awam.

**Ini (sabotaj) menyebabkan empat, lima juta orang terjejas. Saya tidak akan teragak-agak. Sebab itu saya mengarahkan Ketua Polis Selangor (Datuk Noor Azam Jamaludin) untuk turun siasat.**

Abdul Hamid Bador,  
Ketua Polis Negara

Beliau berkata, ketika Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA) masih wujud, polis boleh menahan tanpa siasatan pihak yang disyaki melakukan sabotaj terhadap prasarana dan kepentingan umum negara.

"Kalau ada sesiapa yang melakukan sabotaj ke atas mana-mana prasarana, kepentingan umum, dia boleh ditangkap dan didakwa di bawah SOSMA.

"Ini (sabotaj) menyebabkan empat, lima juta orang terjejas. Saya tidak akan teragak-agak. Sebab itu saya mengarahkan Ketua Polis Selangor (Datuk Noor Azam Jamaludin) untuk turun siasat," katanya ketika ditemui selepas menghadiri majlis pelancaran Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019 di Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia (BNM), di sini, semalam.

SOSMA yang diwartakan pada Jun 2012, digubal bagi menggantikan ISA. Ia menyediakan langkah-langkah khas berkaitan kesalahan keselamatan bertujuan mengekalkan keamanan dan keselamatan negara.

Kelmarin, pelbagai pihak termasuk kerajaan Selangor dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) meminta polis menyasat kemungkinan wujud unsur sabotaj dalam kejadian tumpahan minyak diesel di Sungai Selangor yang menyebabkan penutupan empat loji rawatan air (LRA) Ahad lalu.

Sementara itu, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor, Senior Asisten Komisioner Fadzil Ahmat, berkata pihaknya sedang meneliti sama ada punca pencemaran minyak di Sungai Selangor itu adalah disebabkan tindakan sabotaj atau kecuai.

"Polis menekankan kepada dua punca ini dan sekiranya siasatan menjurus kepada sabotaj, semua pihak yang ada di kawasan pontun akan disiasat.

"Bukan saja kita mengesan pencemaran yang datang ke situ tetapi juga semua pihak yang ada di sekitar kawasan itu," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Fadzil berkata, kes pencemaran diesel yang dikesan petang Ahad itu disiasat mengikut Seksyen

430 Kanun Keseksaan iaitu pengkhianatan dengan merosakkan kerja pengairan atau secara salah menyimpang aliran air.

Katanya, sabit kesalahan, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 30 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

"Setakat ini, identiti pemancing yang disyaki terbabit itu masih disiasat," katanya.

Kelmarin, Noor Azam, dalam sidang media di Kuala Selangor, berkata tiga individu yang pemancing di pontun milik Two B Machineries, kontraktor Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) dipercayai menjadi punca pencemaran minyak diesel itu.

Ketua Polis Selangor itu berkata, ia berdasarkan laporan serta keterangan yang diberikan pihak KSSB ketika membuat laporan polis, malam Ahad lalu.

Berikutan pencemaran terbabit, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd terpaksa menghentikan tugas LRA Rantau Panjang, LRA Sungai Selangor Fasa (SSP) 1, LRA SSP 2 dan LRA SSP 3 pada Ahad lalu.



Pengguna mengambil bekalan disediakan Air Selangor di Pangsapuri Golden Villa, Taman Sentosa, Klang, semalam.  
[Foto Saddam Yusoff /BH]



## KERATAN AKHBAR 24 JULAI 2019 (RABU)



AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	Empat olji tercemar mula operasi
MUKA SURAT	5

### Empat loji tercemar mula operasi

**Shah Alam:** Empat Loji Rawatan Air (LRA) yang terjejas dengan pencemaran diesel di Sungai Selangor, Ahad lalu, mula beroperasi semalam.

Pengurus Kanan Perhubungan Awam dan Unit Hal Ehwal Korpokrat Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB), Abdul Wahab Nordin, berkata tindakan pantas Pasukan Tindakan Kecemasan syarikat menangani insiden itu menyebabkan pemulihan bekalan

air dapat dilakukan segera.

"Langkah memasang penyerap minyak dan menabur sabun bertujuan menguraikan tompokan minyak di permukaan air, membolehkan pemulihan air secara berperingkat dapat dilakukan.

"Sistem Operasi Pengepaman Air Kolam (OPAK) dan *Off-River Storage* (ORS) yang diurus tadbir KSSB juga turut diaktifkan bagi membantu pencemaran disingkirkan.

"Ia sekali gus membantu kerja pembersihan dan menambah baik kualiti air sungai," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Abdul Wahab berkata, KSSB akan terus memantau situasi berkenaan serta bekerjasama dengan semua pihak termasuk polis.

Ahad lalu, empat LRA ditutup semula selepas Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS) mengesan tumpahan minyak di

esel mencemari sumber air mentah Sungai Selangor.

LRA Rantau Panjang terpaksa dihenti tugas pada jam 6 petang diikuti LRA Sungai Selangor Fasa 3 (SSP3) jam 8 malam dan LRA SSP1 serta LRA SSP2 pada jam 8.15 malam.

Kelmarin, Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari, berkata perbuatan khianat dipercayai punca pencemaran minyak diesel di Sungai Selangor itu.



## KERATAN AKHBAR 24 JULAI 2019 (RABU)



AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	155,850 pengguna terjejas terima bekalan air
MUKA SURAT	5

### 155,850 pengguna terjejas terima bekalan air

**Shah Alam:** Seramai 155,850 akaun pengguna di Gombak yang terjejas akibat masalah pencemaran air di Sungai Selangor. Ahad lalu, sudah menerima bekalan air sepenuhnya.

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Abdul Raof Ahmad, berkata pemulihan air di kawasan itu pulih 100 peratus petang semalam.

Katanya, pemulihan air di enam kawasan lain yang turut terkesan dengan masalah sama akan pulih secara berperingkat.

"Setakat jam 6 petang tadi (semalam), keseluruhan pemulihan air mencatat 88 peratus dan enam kawasan iaitu di Kuala Selangor, Hulu Selangor, Kuala Lumpur, Klang dan Shah Alam, Petaling serta Kuala Langat sudah mencapai lebih 80 peratus.

"Kuala Selangor dan Hulu Selangor sudah mencapai 98 dan 99 peratus sehingga jam 6 petang tadi (semalam).

"Klang dan Shah Alam (81 peratus), Kuala Lumpur (92 peratus), Petaling (86 peratus) dan Kuala Langat (91 peratus)," katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Enam kawasan berkenaan dijangka pulih sepenuhnya pada petang ini hingga petang Sabtu ini.



**Pemulihan air di enam kawasan lain yang turut terkesan dengan masalah sama akan pulih secara berperingkat.**

**Abdul Raof Ahmad,**  
Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd



## KERATAN AKHBAR 24 JULAI 2019 (RABU)



AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	Polis jamin heret pelaku sabotaj Sungai Selangor
MUKA SURAT	6

### Polis jamin heret pelaku sabotaj Sungai Selangor

**KUALA LUMPUR 23 Julai** - Polis memberi jaminan akan mengheret golongan yang terlibat dalam sabotaj dan mencemarkan air Sungai Selangor di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA).

Ketua Polis Negara, Datuk

Seri Abdul Hamid Bador berkata, langkah ini diambil berikutan kesalahan berkenaan amat serius yang memberi kesan kepada lima hingga enam juta orang di Selangor.

“Apa-apa pun, undang-undang paling serius kita akan siasat. Sesiapa yang melaku-

kan sabotaj ke atas mana-mana prasarana dan kepentingan umum, mereka boleh ditangkap di bawah SOSMA.

“Mereka akan didakwa di bawah undang-undang yang paling serius. Kita tak akan layan (rayuan). Ini menyebabkan empat hingga lima juta orang. Saya

tidak akan teragak-agak. Saya tidak akan ambil sambil lewa. Saya sangat fokus,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis pelancaran Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023 di Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia, hari ini.

AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	Sengsara gangguan air belum berakhir
MUKA SURAT	46



ORANG ramai membuat persiapan membeli tong untuk menyimpan bekalan air sepanjang gangguan berfaku melibatkan lebih sejuta pengguna di Lembah Klang dan Selangor. - BERNAMA

## Petaling, Kuala Langat dijangka pulih Sabtu ini

# Sengsara gangguan air belum berakhir

Oleh ROSLAH OTHMAN  
utusanikota@gmail.com

■ KUALA LUMPUR 23 JULAI

KELMARIN jutaan penduduk di Lembah Klang dan Selangor mengeluh dan marah apabila mereka sekali lagi terpaksa berdepan dengan masalah gangguan air yang serius.

Gangguan bekalan ini merupakan insiden kedua dalam tempoh tiga hari melibatkan penutupan keempat-empat Loji Rawatan Air (LRA) Selangor Fasa 1,2 dan 3 serta LRA Rantau Panjang yang menyebabkan gangguan tidak berjadual berskala besar kepada pelanggan.

Belumpun pulih sepenuhnya masalah pencemaran bau di muka sauk Sungai Selangor, kurang 24 jam timbul pula masalah pencemaran minyak diesel di LRA Rantau Panjang sehingga menyebabkan henti

### INFO

#### PERATUSAN PEMULIHAN

WILAYAH	JUMLAH AKAUN TERJEJAS	% PEMULIHAN BERDASARKAN AKAUN
Kuala Selangor	64,558	95% 24 Julai 2019 (Rabu), 6 petang
Hulu Selangor	12,175	99% 24 Julai 2019 (Rabu), 6 petang
Gombak	155,850	98% 25 Julai 2019 (Khamis), 6 petang
Kuala Lumpur	117,837	83% 26 Julai 2019 (Jumaat) 6petang
Klang / Shah Alam	416,996	78% 26 Julai 2019 (Jumaat) 6 petang
Petaling	414,955	85% 27 Julai 2019 (Sabtu), 9 pagi
Kuala Langat	9,571	53% 27 Julai 2019 (Sabtu), 9 pagi

tugas di keempat-empat LRA terpaksa dilakukan.

Bukan sehari dua, juga bukan melibatkan jumlah yang kecil dalam gangguan kali ini, sebaliknya berlarutan sehingga hampir seminggu lamanya dan melibatkan 1,166, 842

akaun.

Mengikut rekod yang dikeluarkan Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd (Air Selangor), daerah Pe-taling dan Kuala Langat antara dua wilayah terjejas yang terakhir dijangka pulih secara berperingkat.



KOLAM takungan hiliran di Kampung Hang Tuah Bestari Jaya mengalami pencemaran sehingga menyebabkan gangguan air kepada lebih sejuta pengguna di Lembah Klang dan Selangor. - BERNAMA



## KERATAN AKHBAR 24 JULAI 2019 (RABU)



AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	Sengsara gangguan air belum berakhir
MUKA SURAT	47



**PENIAGA** kedai makanan, Muhd Irfan Shafie, 21, mengambil air bersih untuk kegunaan perniagaannya dari paip air yang disediakan di Pusat Khidmat Setempat Seksyen 6 Shah Alam, Selangor kelmarin. - BERNAMA

Dalam tempoh itu kedua-dua wilayah itu dijangka menerima bekalan air selewat-lewatnya pada pukul 9 pagi Sabtu ini dengan peratusan pemulihan iaitu sebanyak 85 peratus di Petaling, manakala di Kuala Langat 53 peratus.

Mengikut rekod kira-kira 414,955 pengguna di Petaling terjejas dengan gangguan tersebut, manakala 9,571 pengguna di Kuala Langat.

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan Komunikasi Air Selangor, Abdul Raof Ahmad berkata, berdasarkan pementauan di lapangan dan bacaan tekanan di sistem agihan di kawasan-kawasan yang terjejas, pemulihan bekalan air berdasarkan jumlah akaun berdaftar sehingga pukul 12 tengahari hari ini telah mencapai tahap 84 peratus.

Bantuan bekalan melalui lori-lori tangki air masih terus digerakkan selain pengaktifan Pusat Khidmat Setempat dan Pili Awam di kawasan terjejas.

"Pemulihan bekalan di wilayah-wilayah terjejas menunjukkan peningkatan pemulihan yang positif. Pihak kami sedang berusaha meningkatkan tekanan serta menstabilkan bekalan di sistem-sistem agihan dan mempercepatkan proses pemulihan," katanya.





# KERATAN AKHBAR 24 JULAI 2019 (RABU)



AKHBAR	THE STAR
TAJUK BERITA	Review water policy to harness alternative sources
MUKA SURAT	18

## Review water policy to harness alternative sources

THE two unscheduled water cuts in Selangor in the span of four days highlight a water problem Malaysia has had for the longest time. Disruptions in supply should not happen in our country because of the vast water resources we have.

To put it into perspective, we have 189 river basins, receive on average almost 3,000mm in annual rainfall and we can access seawater easily.

When it comes to water, there should not be any shortage at all. Yet, ask any Selangor or Kuala Lumpur resident and you would be told that disruptions in supply have become such a common occurrence that people hardly bat an eyelid anymore when it happens. Sure, they would complain and grumble, but as soon as the taps start running again, all would soon be forgotten until the next one happens.

We have a water problem. It is time to take the bull by its horns and do everything we can to prevent a "next time". Water security is a term most Malaysians are unfamiliar with. However, this is not the case for our neighbours across the causeway. We should take a leaf out of Singapore's "Four National Taps" when it comes to improving our water security.

Currently, Malaysians get their water mainly from rivers. However, as evidenced by Syabas' recent woes, we can see where the



problem is. Our reliance on rivers would mean that anything unforeseen, such as the two pollution cases or war or sabotage, would leave millions of people and various industries without water. We must diversify our water sources.

Firstly, we should look into our storm water management practices. With our high annual rainfall, we get a lot of run-off every time it rains (*pic*). This run-off would flow

into the drains and sewers before being discharged into water bodies. The problem is that we do not direct this source of water to treatment plants. Although the run-off would pick up a lot of pollutants from city pavements and the sewer systems, we can treat the water adequately for potable use.

Another huge source of water that is untapped in Malaysia is seawater. Malaysia has easy access to

the South China Sea as well as the Straits of Malacca. Building desalination plants along the coast would certainly help alleviate water stress. Singapore's Tuas Desalination Plant has the capacity to generate 30 million gallons of water a day. While costly, desalination nevertheless is one of the more viable options we can fall back on in times of emergency. On a day-to-day basis, desalinated

water can be used for industrial purposes, thus relieving stress on our rivers.

NEWater, a project headed by Kampar-born Olivia Lum, represents Singapore's hope for water security post-2061 when the water agreement with Malaysia comes to an end. In a nutshell, NEWater turns wastewater (sewage) into safe, drinkable water.

While it is difficult to imagine a time when Malaysia would need to turn to such sources for her water needs, it shows just how far ahead Singapore is when it comes to water security. NEWater shows us that there are creative ways for us to get water sustainably from alternative sources.

Admittedly, the literature available on water management in Malaysia is almost non-existent. However, now is the time to make sweeping changes to our water policy. We cannot continue with our pattern of reacting to water problems. Rather, we need to start pre-empting them and preparing for an increasingly uncertain future. Climate change, extreme weather, major pollution and war could destroy our current water supply. It is befitting to end with my translation of this Malay proverb: "It is too late when rice has already become porridge".

T. STAR (16)

ASHER LIM  
Petaling Jaya



<b>AKHBAR</b>	<b>THE STAR (STAR METRO)</b>
<b>TAJUK BERITA</b>	<b>Water cuts burst traders' patience</b>
<b>MUKA SURAT</b>	<b>4</b>

By FARID WAHAB and IKHWAN RAIFUDIN  
metro@thestar.com.my

# Water cuts burst traders' patience

S-Metro  
(4)

THE recent intermittent and unscheduled water cuts have disrupted the business of traders and hawkers in Klang Valley.

They are frustrated with the ongoing water supply disruption due to the upgrading works by Air Selangor at the Sungai Selangor water treatment plants.

Restaurant owner Arvin Appu in Damasara Jaya was shocked to find dry taps on Monday morning, as the disruption was only scheduled to begin yesterday (Tuesday).

"I had to spend RM800 to buy water from a supplier to sustain my operations. If the disruption persists for more than two days, I may have to close my shop."

Hawker Nafishah Zulkifli, who sells banana fritters in S55, Petaling Jaya, said the water cuts in her housing area started at 5pm Monday.

"Since then, there was intermittent supply disruption and I had to be alert on when the water would be available again.

"As a hawker, my daily water

## Hawkers complain they were not told about supply disruption date, water tanker timing

consumption is higher than the average citizen. I had to use plastic bags to store more water at home for cleaning cooking equipment."

Kelana Jaya Hawkers Association chairman Hamidah Abdul Hamid said Air Selangor should inform the public of the actual date of the water cuts so they could be prepared.

"We were told the water cuts would only begin on Tuesday, but we heard some areas were affected as early as last Saturday," said Hamidah, adding that the authorities should announce the arrival

time of the water tankers.

"If we don't know, we cannot prepare accordingly," she said, adding that social media platforms were the easiest way to reach the public.

Carwash operator Raguthay Krisnamoorthy in Taman Sea, Petaling Jaya, however, anticipated the water cuts and stored water in his own water tank.

"However, the tank can only sustain water for half a day," he said, adding that he might close his shop until water supply resumes.

Air Selangor customer relations

and communication department head Abdul Raof Ahmad, in a statement, said water supply restoration based on the number of registered accounts reached 84% as of noon yesterday.

"We are working to raise water pressure and stabilise supply in the distribution systems as well as expedite restoration."

Consumers are urged to refer to the Air Selangor app, syabas.com.my and Air Selangor social media accounts for updates.

They can also call 15300 or WhatsApp 019-281 6793 or 019-280 0919.



People queuing up to collect water during the unscheduled disruption in various parts of Klang Valley. — Filepic

Coffeshop workers have had to scramble to save water due to the water cuts. — Filepic

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	INDIVIDU SABOTAJ BOLEH DIKENAKAN SOSMA
MUKA SURAT	10

# Individu sabotaj boleh dikenakan Sosma

*Perbuatan itu menyebabkan lima juta orang terjejas punca bekalan air*

KUALA LUMPUR

**M**ana-mana individu yang terlibat melakukan sabotaj sehingga menyebabkan pencemaran minyak di Sungai Selangor boleh dikenakan tindakan di bawah prosedur Akta Keselamatan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (Sosma).

Ketua Polis Negara, Datuk Seri Abdul Hamid Bador berkata, polis akan menggunakan

**PENGEMARAN SUNGAI SELANGOR**

apa sahaja undang-undang yang ada untuk menyasat kes berkenaan.

Malah, katanya, Ketua Polis Selangor telah diarahkan untuk turun padang serta mengemukakan siasatan kes berkenaan.

“Saya tidak akan berkompromi dengan mereka yang terlibat sabotaj kes ini kerana isu pencemaran sungai berkenaan telah menyebabkan empat hingga lima juta orang terjejas kerana tiada punca air,” katanya selepas pelancaran



Keratan Sinar Harian semalam.

Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023 di sini semalam.

Hamid berkata, sebelum ini kes sabotaj melibatkan kepentingan rakyat seperti utiliti air dan elektrik boleh dikenakan tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Kelmarin, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

(SPAN) membuat laporan polis berhubung dua insiden pencemaran sumber air mentah di Sungai Selangor bagi membolehkan siasatan dijalankan terhadap kemungkinan wujudnya elemen sabotaj.

Pengerusi SPAN, Charles Anthony Santiago berkata, dua insiden dalam tempoh tiga hari amat membimbangkan dan pihaknya bersimpati dengan rakyat Selangor akibat penutupan empat loji rawatan berikutan pencemaran itu.

Jumaat lalu, Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa 1, 2, 3 dan LRA Rantau Panjang dihenti tugas setelah berlaku pencemaran bau, diikuti insiden pencemaran diesel akibat aktiviti kerja pengorekan pasir di hulu sungai. - *Bernama*

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	BEKALAN AIR DI SELANGOR PULIH 84 PERATUS
MUKA SURAT	10

## ***Bekalan air di Selangor pulih 84 peratus***

**HULU SELANGOR** - Pemulihan bekalan air berdasarkan jumlah akaun berdaftar di negeri ini mencapai 84 peratus sehingga jam 12 tengah hari semalam.

Gangguan bekalan berlaku sejak petang Ahad lalu ekoran henti tugas Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa 1, 2 dan 3 serta LRA Rantau Panjang disebabkan pencemaran diesel.

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan Penguurusan Air Selangor Sdn Bhd, Abdul Raof Ahmad berkata, Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas), ahli kumpulan Air Selangor melakukan pemantauan di lapangan dan bacaan tekanan di sistem agihan di kawasan-kawasan yang terjejas.

Menurutnya, pemulihan bekalan di wilayah terjejas menunjukkan peningkatan dan pihaknya meningkatkan tekanan serta menstabilkan bekalan pada sistem agihan bagi mempercepatkan proses pemulihan.

“Bagi wilayah Kuala Selangor yang melibatkan 64,558 akaun pengguna



**Wan Mohd Hakimi Wan Aziz, 21, mengambil air bersih yang disediakan Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) berikutan masalah gangguan air yang berlaku di Selangor dan Lembah Klang ekoran pencemaran minyak diesel.**

dijangka mencapai 95 peratus pulih, manakala 99 peratus di Hulu Selangor dengan 12,175 akaun menjelang 6 petang esok (hari ini).

“Sementara di Gombak akan mencapai 98 peratus pulih pada jam 6 petang Khamis ini melibatkan 155,850 akaun pengguna,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Abdul Raof berkata,

wilayah Kuala Lumpur dan Klang/Shah Alam masing-masing mempunyai 117,837 dan 416,996 akaun pengguna dijangka pulih antara 78 hingga 83 peratus pada jam 6 petang Jumaat ini.

Menurutnya, pada Sabtu, bekalan dijangka pulih 85 peratus di wilayah Petaling membabitkan 414,955 akaun dan 53 peratus di Kuala Langat dengan 9,571 akaun pada jam 9 pagi.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	SELANGOR NEGERI PINTAR 2025
MUKA SURAT	33

# Selangor negeri pintar 2025

*Fokus kepada bidang aeroangkasa, elektrik dan elektronik*

NORAFIZA JAAFAR

KUALA LUMPUR

**N**egeri Selangor mengikut trend terkini dunia menuju negeri pintar 2025.

Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, antara topik utama di bandar besar seluruh dunia kini ialah

pembangunan aeroangkasa yang sudah menjadi asas kukuh di negeri itu.

Menurutnya, Selangor sedang menggabungkan teknologi dengan inisiatif baharu termasuk bandar pintar menjelang 2025.

“Selangor telah mencapai negeri maju sejak 2005 namun belum cukup untuk bersaing di bandar besar dan kini perlu berusaha mengukuhkan sektor perindustrian serta ekonomi,” katanya pada program Selangor Regional Powerhouse Forum di Hotel Hilton di sini semalam.

Amirudin berkata, kerajaan negeri memfokuskan kepada bidang aéro-



AMIRUDIN

angkasa, elektrik dan elektronik, pengangkutan, makanan dan minuman yang menjadi nadi ekonomi di Selangor.

“Ini trend dunia dan pembangunan terkini di

bandar besar dunia termasuk Amsterdam, Singapura dan Jakarta,” katanya.

Selain itu katanya, Selangor juga telah mempunyai asas kukuh dalam bidang aeroangkasa berbanding negeri lain kerana ada 200 syarikat yang menjadi penyumbang dalam bidang aeroangkasa dunia termasuk pemusatan Sepang, Subang dan Serendah (3S) yang menguasai 62 peratus sektor itu di Malaysia.





AKHBAR	THE SUN
TAJUK BERITA	SUBANG AIRPORT TO GET NEW LEASE OF LIFE
MUKA SURAT	6

# Subang Airport to get new lease of life

## ➤ Aerospace industries lead investment plan

**KUALA LUMPUR:** Selangor plans to rejuvenate the Sultan Abdul Aziz Shah Airport, also known as Subang Airport, as the state continues to strengthen its aerospace portfolio.

Menteri Besar Amirudin Shari said the state is in final discussions with Airbus, an international pioneer in the aerospace sector, to expand its facility in Subang, and the announcement on the project would be made before the state budget is tabled.

"We also want to include the participation of MBI (Menteri Besar Incorporated) owned companies," he

said at a press conference after the launch of the Selangor: Regional Powerhouse forum here yesterday.

In April, it was reported that Airbus Helicopters was expanding its presence in Malaysia by offering a wider range of products and services at its Subang facility, making Malaysia its regional hub for helicopter services, customer support and training.

This includes the opening of a new helicopter completion and delivery centre, the integration of all heavy maintenance and repair services for Southeast Asia at the facility, as well as the addition of a second flight crew training simulator.

Selangor accounts for about 62% of the total aerospace (business) in Malaysia.

Besides aerospace, Amirudin said, the state would also focus on other industries including electrical and electronics as well as food and beverages.

"The excellent socio-economic factors and infrastructure have made Selangor an attractive prospect for investment," he said.

In 2018, Selangor received RM10.87 billion in foreign direct investment (FDI), one of the highest in the country.

Selangor MBI chief executive officer Raja Shahreen Raja Othman said he was optimistic of securing over RM10 billion in FDI.

"That is our conservative target," he said. "We are definitely heading towards achieving our target."

- Bernama



Amirudin says Selangor government in final discussions with Airbus.  
- ASRAF RASID/THE SUN